



KELUASAN TANAMAN KELAPA SAWIT (HA) DI MALAYSIA (2015)



SEKILAS FAKTA

- Kos pengimportan makanan pada 2015 adalah RM45.39 bilion
- Nilai eksport bahan makanan sekitar RM27 bilion dengan defisit lebih daripada RM18 bilion.
- Kos pengimportan jagung sebagai bahan makanan ternakan terutama ayam dan babi lebih daripada RM3.1 bilion setahun.
- Kos pengimportan makanan ternakan keseluruhan lebih daripada RM5.6 bilion.


Sistem integrasi ternakan lembu

Oleh **DAHLAN ISMAIL**
dahlan@upm.edu.my

Dasar Agromakanan Negara (2011 - 2020) adalah penting dan perlu diberi penekanan yang serius terutama subsektor ternakan ruminan. Tahap sara diri (SSL) bagi daging lembu dan kerbau di negara ini pada masa kini hanya 28.6 peratus, manakala bakinya 71.4 peratus lagi merupakan daging import terutama dari India dan Australia. Pengeluaran daging lembu dan kerbau tempatan pada tahun 2014 adalah sebanyak 53,000 tan metrik dan negara memerlukan sekurang-kurangnya 232,000 tan metrik menjelang 2020 bagi mencapai tahap SSL 50 peratus. Penglibatan sektor perladangan sawit adalah amat perlu dalam pembangunan industri ternakan lembu di negara ini kerana apabila keluasan tanah dikhususkan untuk tanaman eksport (kelapa sawit), maka semakin berkurangnya tanah yang sesuai untuk dikembangkan kepada pengeluaran tanaman makanan

termasuk makanan ternakan dan ternakan. Pengeluaran tanaman makanan dan ternakan sangat perlu ditingkatkan kerana perbelanjaan yang besar di perlukan untuk mengimport makanan dan juga makanan ternakan. Industri penternakan adalah sangat penting untuk sekuriti makanan negara kerana berfungsi sebagai pembekal sumber makanan protein haiwan yang lengkap terutama ternakan ruminan seperti lembu, kerbau, kambing dan bebiri. Dalam masa yang sama, ia dapat membekalkan sekuriti makanan halal negara dengan mengeluarkan sendiri produk-produk seperti daging, susu dan bahan sampingan daripada ternakan yang halal. Kawasan yang berpotensi dan sumber untuk pembangunan ternakan ruminan pada masa hadapan akan dijayakan secara integrasi dengan komoditi

PERANCANGAN pembangunan pertanian dalam negara perlu diberikan penekanan yang serius. Ini termasuk pengurusan sumber tanah yang sistematik dan cekap untuk meningkatkan pengeluaran pada peringkat ladang. Begitu juga dengan mengekalkan sumber hutan untuk generasi akan datang. Makanan, termasuk ternakan, sentiasa bawah kelolaan petani kecil dan penglibatan pertanian dalam subsektor ini sentiasa sebagai pekerjaan sampingan. Sektor korporat termasuk syarikat berkaitan kerajaan (GLC) tidak memberi penekanan yang serius dalam pengeluaran makanan terutama ternakan ruminan secara skala besar-besaran.



Tiga sumber sedia ada daripada sektor perladangan kelapa sawit yang boleh digembungkan untuk ternakan lembu secara integrasi di negara ini. Pertama, dengan meragut rumpai secara integrasi di ladang kelapa sawit. Kedua, menggunakan pelepah kelapa sawit (PKS) sebagai makanan ternak berserabut dan ketiga, menggunakan hampas isirung sawit (PKC) sebagai makanan konsentrat. Integrasi lembu di ladang kelapa sawit juga bergantung kepada kadar muatan lembu di ladang. Kadar muatan lembu yang boleh meragut di ladang sawit bergantung kepada ketersediaan rumpai yang sesuai dan umur sawit. Umur sawit yang sesuai untuk diintegrasikan secara meragut adalah antara empat hingga 20 tahun tanaman

iaitu 68 peratus daripada kawasan tanaman sawit. Anggaran kapasiti muatan ekologi (*ecological carrying capacity*) boleh ditentukan berasaskan kajian yang telah dilakukan di UPM. Daripada 5.64 juta hektar (ha) kawasan penanaman sawit pada tahun lalu didapati seluas 3.84 juta ha sesuai untuk diintegrasikan dengan ternakan lembu. Anggaran bilangan lembu yang boleh diternak berasaskan ladang yang sesuai adalah 767,440 ekor. Bilangan tersebut hampir sama dengan jumlah bilangan lembu di negara ini iaitu 760,997 ekor lembu pada tahun 2014. Kapasiti muatan optimum berdasarkan kawasan dan kategori ladang menunjukkan estet persendirian merupakan sektor yang terbesar daripada keseluruhan ladang yang dijangka boleh membawa kapasiti muatan optimum sebanyak 468,139 ekor lembu.



INTEGRASI lembu baka tempatan dan kacukan di Felda Chini, Pahang.



Ladang sawit sokong industri

SEKTOR lain seperti pekebun kecil, agensi negeri, Felda, Felcra, dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) hanya boleh menampung sebanyak 300,000 ekor lembu sahaja. Pada masa ini penglibatan sektor lain seperti pekebun kecil, Felda, RISDA dan Felcra dalam pengeluaran lembu secara integrasi ini amat menggalakkan. Ia merupakan bank bergerak bagi mereka yang mengusahakan penternakan lembu di ladang sawit. Penglibatan yang serius daripada sektor estet persendirian terutama daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) amat diperlukan untuk menyumbang sebagai pengeluaran lembu negara. Penglibatan ini juga adalah tanggungjawab sosial korporat kepada penternak bagi menggantikan penggunaan tanah untuk

penternakan yang telah ditanam dengan kelapa sawit. Dalam masa yang sama, pengeluaran lembu secara integrasi boleh dijadikan pelan kontingensi industri sawit semasa kejatuhan harga komoditi minyak sawit di pasaran dunia kelak. Dalam masa yang sama, permintaan lembu pedaging amat tinggi terutama pada musim perayaan Hari Raya Aidiladha untuk tujuan korban, harga seekor lembu yang cukup syarat lebih daripada RM4,000 seekor. Dalam Buku Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang disediakan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (Pemandu), Jabatan Perdana Menteri ada menunjukkan penekanan ke atas seekor lembu bersangkutan dalam peluang perniagaan iaitu Projek permulaan (EPP 5): Menternak lembu dalam estet sawit. Syarikat-syarikat menternak lembu akan kontrak dengan

perladangan sawit besar, terutama GLC untuk menyewa tanah mereka untuk menternak lembu. Fokus kepada ragutan bergilir-gilir berstruktur untuk memastikan keuntungan dan kelestarian. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menasabah untuk menambah bilangan lembu dalam estet kelapa sawit sebanyak 300,000 pada 2020. Dengan pelan ini, negara dapat menyumbang kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) iaitu RM150 juta. Selain itu ia juga menyumbang kepada pewujudan pekerjaan (10,100 kerja), pembiayaan (RM343 juta) dengan RM143 juta pembiayaan awam. Penyelidikan penggunaan pelepah kelapa sawit (PKS) sebagai makanan ternakan menunjukkan PKS segar boleh digunakan sebagai makanan jenis fiber untuk ternakan terutama ruminan. PKS dihasilkan semasa penuaian tandan buah sawit, sebanyak satu atau dua pelepah akan dipotong semasa setiap kali penuaian tandan sawit dan juga pemangkasan pelepah dijalankan di ladang. PKS perlu diproses untuk dijadikan makanan jenis gentian untuk ternakan. Pembuntilan (*pelletizing*) atau penghasilan pelet dan silaj adalah pemrosesan yang sesuai untuk penggunaan yang meluas. Kilang pemrosesan PKS perlu diwujudkan di ladang kelapa sawit yang sesuai, selalunya boleh dibina bersebelahan kilang minyak sawit supaya dapat berkongsi kemudahan asas, infrastruktur dan pengangkutan. Purata pengeluaran PKS daripada pokok kelapa sawit yang matang



LADANG lembu di kawasan ladang sawit boleh direalisasikan.

ialah 10.4 tan metrik (bahan kering) sehektar setahun. Berasaskan keluasan kawasan tanaman sawit matang di negara ini, sebanyak 40 juta tan metrik PKS dapat dihasilkan setahun. Jika digunakan sebanyak 50 peratus sebagai makanan tambahan dalam bentuk pelet kepada lembu meragut secara integrasi atau dalam fidlot, ia boleh menampung sebanyak 5.2 juta ekor lembu. Penggunaan hampas isirung sawit (PKC) sebagai makanan konsentrat ternakan telah menunjukkan kejayaan penyelidikan di negara ini. Oleh kerana kualiti PKC yang tinggi sebagai makanan ruminan, ia boleh dijadikan makanan konsentrat untuk lembu, terutama dalam fidlot atau makanan tambahan kepada lembu yang meragut bebas. Pengeluaran PKC adalah sekitar 0.324 tan metrik sehektar setahun. Anggaran pengeluaran PKC di negara ini adalah 1.2 juta tan metrik setahun. Jika digunakan sebanyak 50 peratus sebagai makanan lembu dalam fidlot atau sebagai makanan tambahan bagi

lembu yang meragut bebas, adalah dijangkakan akan dapat menampung sebanyak 170,309 ekor lembu. Sistem fidlot boleh diusahakan dengan menggunakan PKC dan pelepah sawit (PKS) sebagai makanan campuran lengkap (TMR). Penggunaan PKC perlu dimaksimumkan di negara ini. Sokongan daripada kerajaan diperlukan untuk mengurangkan eksport kuota PKC ke Eropah dan negara lain. Keberkesanan penggunaan hasil sampingan daripada sawit terutama PKS dan PKC akan dapat meningkatkan industri makanan ternak baharu untuk sistem pengeluaran fidlot berskala besar. Berdasarkan analisis ini boleh dinyatakan bahawa Malaysia boleh menampung lebih daripada enam juta ekor lembu pedaging dan tenusu pada masa hadapan. Ia boleh mencapai tahap sara diri (SSL) 50 peratus pengeluaran daging pada tahun 2020 menerusi sistem penternakan integrasi dengan perladangan sawit. Potensi penternakan lembu yang besar ini boleh dijayakan dengan menggembungkan

sumber-sumber kawasan ladang sawit untuk ragutan bergilir berstruktur, penggunaan PKS dan PKC sebagai makanan tambahan. Justeru, pergantungan keperluan bahan makanan dari luar negara akan dapat dikurangkan dan pertukaran mata wang asing juga dapat dikurangkan. Mengoptimalkan penggunaan sumber negara yang semakin berkurangan dengan mengintegrasikan ternakan terutama ruminan dengan perladangan sawit akan dapat menyelesaikan sebahagian daripada masalah penggunaan tanah untuk ragutan dan pengeluaran makanan ternakan lembu. Penggabungan sumber tersebut dan dengan menggunakan teknologi yang sesuai ia akan dapat meningkatkan kecekapan industri ternakan dan pertanian di negara ini.

■ Penulis ialah Profesor di Jabatan Sains Haiwan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia dan boleh dihubungi menerusi dahlan@upm.edu.my.



PELEPAH sawit segar untuk makanan ternakan.